

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
IBU PEJADAT LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA
PORT KLANG, SELANGOR

DISEDIAKAN OLEH:
CHUAH YEN NEE
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MERIT)
ABGA DECODED BY ARMIN D. GÖTTSCHE

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)
2002

i100046837

LI 2 FPE 2 2002



1100046837

Laporan akhir latihan industri di Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia Port Klang, Selangor / Chuah Yen Nee.



**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU**

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN UMT

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri di matematika Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA,
PORT KLANG, SELANGOR


PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

1100046837

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya **CHUAH YEN NEE**, mengaku bahawa kertas projek bagi kursus **PGN 4799**, adalah hasil usaha saya sendiri.

Tandatangan




CHUAH YEN NEE


UK 4443

28HB SEPTEMBER 2002

Disahkan oleh:



Dr. Mahadzirah Mohamad
Ketua Jabatan,
Jabatan Pengurusan dan Ekonomi,
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi,
Terengganu.



Tuan Haji Abdul Rahim bin Ibrahim
Penyelia,
Kursus PGN 4799,
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi
Terengganu.

PRAKATA

Salam sejahtera,

Dengan menjalani latihan industri ini, pelajar dapat memperolehi pengalaman dan kemahiran asas professional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing.

Latihan ini juga memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah ke dalam realiti alam pekerjaan.

Di samping itu, pelajar dapat memahami nilai etika professional masing-masing dan menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila tamat pengajian. Tambahan pula, pelajar dapat menjalankan dan mengekalkan hubungan dengan alam professional dalam bidang masing-masing.

Saya amat gembira dan bersyukur kerana dengan keizinannya diberi kesempatan mencoret sepatah dua kata di ruangan ini untuk menyuarakan isi hati dan pendapat saya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak KUSTEM kerana memberi peluang kepada saya menjalankan latihan industri untuk mendapat pengalaman dan pengetahuan baru selain dari teori yang dipelajari. Tidak lupa juga pihak urusetia yang menolong mengurus penempatan latihan industri pelajar.

Pensyarah saya ataupun lebih dikenali penyelia Latihan Industri (LI) saya iaitu Tuan Haji Abdul Rahim bin Ibrahim. Beliau selaku penyelia LI (PGN 4799), telah banyak membantu saya dalam menyiap laporan akhir latihan industri ini.

Bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh beliau banyak menolong saya dalam menghasilkan laporan ini.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia industri saya di Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia iaitu Encik Maaroff bin Sanif. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya selama tiga bulan saya ditempatkan dibawah unitnya. Beliau telah menunjukkan kepada saya pengetahuan dan kemahiran yang perlu ada dalam dunia pekerjaan yang sebenar selain daripada teori yang saya mempelajari dari alam persekolahan.

Selain itu, beliau juga memberi peluang kepada saya berkomunikasi dengan dunia luar semasa melaksanakan tugas yang diserahkan oleh beliau. Dengan adanya peluang ini, saya dapat memberanikan diri untuk berkomunikasi dan mengekalkan hubungan dengan alam professional dalam bidang yang berlainan contohnya dari Pejabat Peguam Negara, Wisma Putra, TLDM, MIMA, MECC(Lumut), MOT, wakil negara dari Singapura, Indonesia, Malaysia dan Jepun.

Tidak lupa juga Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran iaitu Kaptain Ahmad bin Othman. Beliau turut memberi tunjuk ajar di sepanjang masa latihan industri saya. Selain itu, terdapat juga Penolong Ketua Unit seperti Encik Roslee, Encik Rosnan dan Encik Basar yang turut memberi maklumat berkenaan dengan unit mereka agar saya dapat lebih memahami fungsi setiap unit dan seterusnya membantu saya dalam menyiapkan laporan latihan industri saya.

Selain dari rakan sejawat di Bahagian Keselamatan Pelayaran, Ketua Penolong dan staf dari unit bahagian yang lain turut menghulur bantuan kepada

saya dalam memperolehi maklumat. Mereka telah banyak memberi nasihat dan pendapat yang berharga kepada saya sebagai rujukan saya.

Tambahan lagi, saya juga ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada pihak perpustakaan kerana telah menyumbangkan banyak maklumat yang penting kepada saya dalam menyiapkan laporan ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ibubapa saya yang telah memberi sokongan dari segi moral dan kewangan kepada saya selama tempoh 3 bulan saya menjalani latihan industri.

Ruangan ini telah menjadi pencetus yang memaparkan hutang budi saya terhadap semua pihak yang membantu serta bekerjasama dengan saya.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

PRAKATA	iii
SENARAI JADUAL	iv
SENARAI RAJAH	v
SENARAI LAMPIRAN	vi
RINGKASAN EKSEKUTIF	vii

Bab 1 : LATARBELAKANG ORGANISASI

1.0 Sejarah ringkas organisasi	1
1.1 Objektif, visi dan misi	2
1.2 Dasar Kualiti	3
1.3 Pengiktirafan ISO 9002	3
1.4 Tumpuan Pasaran	4
1.5 Tawaran perkhidmatan Jabatan Laut	5
1.6 Pendekatan untuk memajukan organisasi	6
1.7 Alamat dan cawangan-cawangan organisasi	8
1.8 Carta Organisasi	9
1.9 Bahagian Dasar Dan Perkhidmatan Korporat	12
1.9.1 Objektif bahagian	
1.9.2 Fungsi utama bahagian	
(i) Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia	
(ii) Unit Teknologi Maklumat	
(iii) Unit Pengurusan Kewangan dan Akaun Amanah	

(iv) Unit Perancangan Dasar, Pembangunan dan
Antarabangsa

1.10 Bahagian Keselamatan Pelayaran

17

1.10.1 Objektif bahagian

1.10.2 Fungsi bahagian

1.10.3 Pelanggan

1.10.4 Fungsi utama bahagian

(i) Unit Kontingensi Maritim

(ii) Unit Bantuan Pelayaran

(iii) Unit Perkhidmatan Trafik Maritim

(iv) Unit Keselamatan Maritim

1.11 Bahagian Kawalan Industri

36

1.11.1 Objektif bahagian

1.11.2 Fungsi utama bahagian

(i) Unit Penguatkuasaan

(ii) Unit Keselamatan Kapal

(iii) Unit Pendaftaran

(iv) Unit Pengurusan Keselamatan Kapal

1.12 Bahagian Hal Ehwal Pelaut Dan Pelabuhan

39

1.12.1 Objektif bahagian

1.12.2 Fungsi utama bahagian

(i) Unit Peperiksaan Kejuruteraan

(ii) Unit Pembangunan Laut

- (iii) Unit Pengurusan Pelabuhan, Kargo Dan “Barter Trade”
- (iv) Unit Peperiksaan Pelayaran

1.13 Kemahiran yang ingin dipelajari

43

Bab 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN

PENYELESAIAN

Penemuan 1 : Statistik pengiraan kapal yang telah membuat

pembayaran untuk singgahan lebih sepuluh (10) kali.

45

2.0.1 Mengesan Sistem Sedia Ada

2.0.2 Mengenalpasti Masalah dan Rumusan Analisis

2.0.3 Cadangan Penyelesaian

2.0.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi

Penemuan 2 : Proses membuka tender sehingga menyiapkan laporan

Tender

49

2.1.1 Mengesan Sistem Sedia Ada

2.1.2 Mengenalpasti Masalah dan Rumusan Analisis

2.1.3 Cadangan Penyelesaian

2.1.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi

Penemuan 3 : The 27 th meeting of The Tripartite Technical Experts Group on the Safety of Navigation in The Straits of Malacca and Singapore	52
2.2.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	
2.2.2 Mengenalpasti Masalah dan Rumusan Analisis	
2.2.3 Cadangan Penyelesaian	
2.2.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	
Penemuan 4: Pengurusan Sumber Manusia	61
2.3.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	
2.3.2 Mengenalpasti Masalah dan Rumusan Analisis	
2.3.3 Cadangan Penyelesaian	
2.3.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	
Penemuan 5: Sistem Bayaran Pukal	76
2.4.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	
2.4.2 Mengenalpasti Masalah dan Rumusan Analisis	
2.4.3 Cadangan Penyelesaian	
2.4.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	
Penutup	82
Rujukan	
Lampiran	

Senarai Jadual

		Muka Surat
Jadual 1	Fungsi-fungsi Bahagian Unit Utama Jabatan Laut.	10-11
Jadual 2	Kes tumpahan minyak di Perairan Malaysia pada tahun 1975-1997.	Lampiran C1-6
Jadual 3	Senarai stokpil peralatan tumpahan minyak.	Lampiran C1-7
Jadual 4	Senarai nama kapal yang terlibat dalam latihan tumpahan minyak.	Lampiran C1-8
Jadual 5	Jenis dan kapal yang melapor kepada Klang VTS pada tahun 2001.	Lampiran C3-3
Jadual 6	Jumlah kapal yang tidak melapor pada Klang VTS.	Lampiran C3-3
Jadual 7	Maklumat kemalangan kapal dan bot di Perairan Malaysia pada bulan Jan-Dis 2001.	Lampiran C3-11
Jadual 8	Maklumat kemalangan kapal dan bot di Perairan Malaysia pada tahun 1995-2001.	Lampiran C3-11
Jadual 9	Penyelarasaran operasi mencari dan menyelamat keselamatan mengikut jenis kecemasan pada bulan Jun-Dis 2001.	Lampiran C3-11

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 1	Carta Organisasi Kementerian Pengangkutan Malaysia.	Lampiran 1
Rajah 2	Carta Organisasi Jabatan Laut Semenanjung Malaysia.	Lampiran 2
Rajah 3	Carta Organisasi Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.	Lampiran 3
Rajah 4	GMDSS Malaysia DSS Sistem.	Lampiran C3-9
Rajah 5	Carta Aliran proses pendaftaran kapal melalui sistem.	Lampiran D3-2
Rajah 6	Carta Aliran bagi proses pengeluaran perakuan kekompetenan.	Lampiran E1-1
Rajah 7	Carta Aliran bagi proses permohonan perakuan pengiktirafan.	Lampiran E1-2
Rajah 8	Carta Aliran kerja bagi urusan pengambilan.	63-70

SENARAI LAMPIRAN

- (1) Lampiran 1: Carta Organisasi Kementerian Pengangkutan Malaysia
- (2) Lampiran 2: Carta Organisasi Jabatan Laut Semenanjung Malaysia
- (3) Lampiran 3: Carta Organisasi Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia

- (4) Lampiran A: Bidang Kuasa Jabatan Laut

- (5) Lampiran B: BAHAGIAN DASAR DAN PERKHIDMATAN KORPORAT
 - (i) Unit Pentadbiran dan sumber Manusia
 - (ii) Unit Teknologi Maklumat
 - (iii) Unit Pengurusan Kewangan dan Akaun Amanah
 - (iv) Unit Perancangan Dasar, Pembangunan dan Antarabangsa

- (6) Lampiran C: BAHAGIAN KESELAMATAN PELAYARAN
 - (i) Unit Kontingensi Maritim
 - (ii) Unit Bantuan Pelayaran
 - (iii) Unit Perkhidmatan Trafik Maritim
 - (iv) Unit Keselamatan Maritim

- (7) Lampiran D: BAHAGIAN KAWALAN INDUSTRI
 - (i) Unit Penguatkuasaan
 - (ii) Unit Keselamatan Kapal
 - (iii) Unit Pendaftaran
 - (iv) Unit Pengurusan Keselamatan Kapal

- (8) Lampiran E: BAHAGIAN HAL EHWAL PELAUT DAN PELABUHAN
 - (i) Unit Peperiksaan Pelayaran
 - (ii) Unit Pembangunan Pelaut
 - (iii) Unit Pengurusan Pelabuhan, Kargo dan “Barter Trade”
 - (iv) Unit Peperiksaan Pelayaran

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan praktikal dan industri ini adalah bertujuan untuk melatih pelajar supaya dapat menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan yang sebenar dan juga memberi peluang kepada mereka untuk menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman di luar kampus dan mengaplikasikan teori pembelajaran ke dunia pekerjaan yang realiti.

Saya telah menjalani latihan industri di Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia yang bertempat di Port Klang, selangor.

Sewaktu 12 minggu menjalani latihan industri, saya telah ditempatkan di Bahagian Keselamatan Pelayaran. Di samping itu, saya juga cuba mendapat maklumat mengenai bahagian yang lain. Antaranya adalah seperti Unit Kewangan, Bahagian Kawalan Industri, Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan dan Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia.

Dalam tempoh selama 3 bulan ini, saya telah menganalisis sistem kerja di bahagian berkenaan. Hasil dari analisis ini, diketahui bahawa terdapat beberapa kekurangan atau kelemahan dari sistem yang sedia ada di dalam Jabatan Laut.

Secara umumnya, didapati bahawa pengurusan dalam urusan pengambilan sumber manusia untuk mengisi kekosongan jawatan yang sedia ada di Jabatan Laut boleh dikatakan agak memuaskan dan bersistematik. Namun begitu, masalah tahap pusing ganti yang tinggi masih wujud. Ini kerana urusan pengambilan adalah dikendalikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Setelah mengkaji masalah ini, dapat dikesan bahawa punca utamanya adalah proses pengambilan pekerja yang dilaksanakan oleh SPA adalah kurang

efektif. Ini mungkin disebabkan proses pengambilan yang memakan masa yang agak lama dalam memilih pekerja yang sesuai. Keadaan ini menyebabkan Jabatan Laut menghadapi masalah kekurangan pegawai laut dalam meringankan beban tugas.

Dari segi aspek kewangan pula, Jabatan Laut telah memperolehi 3 jenis peruntukan sumber kewangan dari pihak kerajaan iaitu peruntukan bawah belanja pengurusan, peruntukan bawah dasar baru dan peruntukan bawah pembangunan. Peruntukan ini telah diberikan kepada 4 bahagian utama di bawah Jabatan Laut iaitu Bahagian Perkhidmatan Bantuan dengan peruntukan RM6.5 milion, Bahagian Kawalan Industri dengan peruntukan RM7.2 million, Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan dengan peruntukan RM8.5 million dan Bahagian Keselamatan Pelayaran dengan peruntukan RM9.8 million. Peruntukan yang diterima ini digunakan untuk menyokong perbelanjaan aktiviti bahagian. Unit Pengurusan Kewangan Dan Akaun Amanah di Jabatan Laut menggunakan ‘Modified Budgeting System’ (MBS) dalam menjalankan aktiviti harian.

Bagi Bahagian Keselamatan Pelayaran pula, unit yang terdapat dalam bahagian ini adalah lebih cenderung kepada operasi. Contohnya Unit Keselamatan Maritim bertanggungjawab dalam penyelenggaraan kapal korek, survey hidrografi yang bertujuan untuk mengkaji kedalaman sungai pelabuhan dan keluasan pemaliman supaya memastikan pelabuhan ataupun jeti berkenaan adalah selamat bagi kapal yang ingin berlabuh. Unit Perkhidmatan Trafik Maritim pula bertanggungjawab dalam pengendalian Sistem STRAITREP, pengendalian

Sistem GMDSS-DSC, menawarkan perkhidmatan VTS di Selat Melaka, perkhidmatan pengumpulan maklumat keselamatan maritim melalui Sistem NAVTEX, dan pengendalian mencari dan menyelamat maritim di dalam perairan tanggungjawab Malaysia.

Unit Kontingensi Maritim pula bertanggungjawab dalam mengendali kawalan tumpahan minyak manakala Unit Bantuan Pelayaran pula merancang dan menentukan keperluan alat bantuan pelayaran berdasarkan keperluan trafik laut dan keselamatan pelayaran semasa.

Bahagian Kawalan Industri secara keseluruhan adalah bertanggungjawab menentukan pencapaian piawaian teknikal yang optima bagi badan, jentera dan peralatan untuk memastikan semua kapal dan bot yang berdaftar atau berlesen adalah layak berlayar dan selamat. Di samping itu, memastikan pembangunan industri perkapalan berprogresif melalui Sistem Pendaftaran Kapal yang teratur, tepat dan efisien. Bahagian ini juga akan menentukan pembangunan aktiviti kelautan yang selamat dan menghormati kebersihan laluan melaui rondaan, penyiasatan, pendakwaan, piawaian dan perundangan.

Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan adalah untuk memberi satu perkhidmatan pembangunan laut dan perkhidmatan pelabuhan yang cekap, berkesan dan teratur serta diiktiraf sebagai yang terbaik. Oleh itu, bahagian ini akan mendokumentasikan semua pelaut di Malaysia; menentukan laluan pelayaran dan kawasan jeti atau pelabuhan kecil bawah pengurusan Jabatan Laut boleh digunakan oleh bot dan kapal; mengawas pelabuhan Kuala Perlis, Kuala Kedah, Kuah, Lumut, Pangkor, Melaka, Pulau Tioman, Jeti Kampung

Tekek, Mersing dan Kuala Terengganu. Selain itu, bahagian ini turut memastikan bahawa sekurang-kurangnya 85% daripada jumlah bot Jabatan dapat beroperasi penuh dan kesemua bot baru Jabatan dapat melaksanakan operasi tanpa sebarang masalah di samping mengeluarkan ‘Certificate of Recognition’ (COR) kepada pelaut asing untuk berkhidmat di atas kapal Malaysia.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa keempat-empat bahagian dalam Jabatan Laut masing-masing menjalankan aktiviti tersendiri dan saling berkaitan dalam memainkan peranan penting dalam memajukan industri maritim di negara Malaysia.